

## PENGETAHUAN UMUM

# ORANG MATI MENYEBABKAN ORANG BUTA CELIK SEMULA!

Perkara menyembuhkan orang yang buta dengan ditampalkan selaput "hitam mata" yang telah dikeluarkan daripada mata orang yang baharu mati itu adalah suatu perkara biasa di Mesir pada hari ini.


Sebagai hendak mengetahui kedudukan perkara ini dengan lebih jelas maka majalah "Al-Masur" telah menghantarkan wakilnya menyiasat kejadian tersebut di hospital tentera dan di bawah ini diterakan hasil penyiasatannya itu - P.

-----\*-----\*-----


Kata penyiasat Al-Masur ;  
Saya banyak kali telah membaca dari hal menampal "hitam mata" (yang telah rosak) dan saya memang tahu bahawa di Eropah dan di Amerika banyak doktor-doktor yang mahir dalam perkara ini tetapi saya tidak tahu bahawa doktor-doktor Mesir

telah mengerjakan perkara ini dengan mudahnya sehinggalah saya dapat melihat doktor "Muhammad Abdul Latif Johar" menjalankan pekerjaan ini di hospital besar tentera.

Biasanya penyakit rabun atau lain-lain penyakit mata adalah disebabkan selaputnya yang terlalu nipis membayang itu telah



*Meskipun orang sakit itu sedang tidak khabarkan diri kerana telah dibius tetapi matanya pula telah dibius sekali lagi sebagai menambahkan kekuatan bius itu.*



*Mata orang sakit itu dibuka oleh doktor dengan seluas-luasnya sebelum disiat selaputnya yang rosak.*

-----\*-----\*-----

terbakar atau luka disebabkan oleh satu paluan benda yang keras dari luar. Apabila luka itu bertaup semula atau kebakaran itu pulih semula maka sudah tentu akan meninggalkan kepada "hitam mata" satu titik putih yang akan menjadikan mata itu tidak dapat melihat lagi.

-----\*-----\*-----

Suatu letupan telah berlaku dan telah menyebabkan seorang askar tercedera matanya dan setelah diperiksa maka doktor Mahmud Juhar menyatakan bahawa askar itu boleh dipulihkan kerana hanya selaput nipis yang menutupi "hitam mata" itulah yang tercedera dan kerana itu kecederaan itu boleh ditampal dengan selaput "hitam mata" (Al-Muqalat atau Al-Qarniah) yang telah dikeluarkan daripada seorang yang baharu mati yang bermata sihat.

Menyaksikan peristiwa itu.

Dalam masa yang telah ditentukan saya pun pergi ke hospital tentera dan di sana saya dapat menyaksikan doktor Muhammad Johar menjalankan kewajibannya itu.

Mula-mula askar yang tercedera itu telah dibius dan kira-kira siku jam saya lihat telah tidur tidak khabarkan diri, iapun dialihkan ke tempat belah membelah

dan matanya pula telah dibiuskan sebagai menambahkan jagaan jangan-jangan dia terasa sakit tatkala selaput matanya itu disiat kelak.


Dengan menggunakan suatu alat yang boleh membuka kelopak mata dengan seluas-luasnya maka hanya beberapa minit sahaja selaput mata yang rosak itu telah disiat dan dikeluarkan.

Biji mata dari peti sejuk.

Oleh kerana orang yang tercedera itu kelopak matanya yang di sebelah bawah telah sedia luka di sebabkan letupan itu maka luka itu telah ditampal dengan selaput matanya yang telah disiat tadi. Setelah itu saya lihat doktor itu telah dibawakan sebiji mata yang lengkap – mata manusia – yang telah dikeluarkan dari sebuah peti sejuk.

Tuan doktor telah meletakkan mata itu dihadapannya lalu mengambil pisau penores dan terus menyiat selaput yang menutupi "hitam mata" itu dengan terlalu cepatnya lalu ditampalkan ke mata orang sakit itu. Setelah itu matanya telah dibalut dan dengan itu selesailah kerja itu dan orang sakit itu pun telah di sedarkan daripada biusnya.

Pekerjaan ini telah mengambil masa satu jam genap kerana yang sebenarnya dua kerja telah dilakukan dalam masa yang



*Biji mata orang yang sudah mati sedang dipegang oleh doktor. Selaput yang menutupi hitam mata ialah yang akan disiat dan ditampalkan ke mata orang yang sakit itu.*

satu – menampal “hitam mata” dan menampal luka kelopak mata.

Tinggal satu perkara yang patut disebut iaitu bahawa mata yang telah dibawakan kepada doktor tadi ialah biji mata yang telah dikeluarkan dengan cermatnya daripada seorang yang telah mati 36 jam dahulu dan mata yang demikian ini hanya boleh disimpan selama 40 jam sahaja dan lewat daripada itu sudah tidak boleh digunakan lagi – kata penyiasat “Al-Masur” menutup tulisannya itu.

(Peringatan: Oleh kerana dipercayai ada orang yang berasa musykil tentang apakah hukumnya di dalam Islam maka mata orang-orang yang telah mati itu boleh dipindahkan dan dijadikan ubat penawar bagi orang yang hidup, maka majalah Qalam yang sememangnya berdasarkan Islam memandang bahawa soal ini ialah kewajipannya dan inilah pula hasil penyiasatannya:

Hukumnya mata orang mati dipindahkan dan dijadikan ubat penawar kepada orang yang hidup adalah harus dan tidak ada salahnya menurut hukum Islam sebagai menjelaskan perkara ini maka kita salinkan di sini fatwa “Al-Jannatul Al-fatwa” Al-Azhar oleh yang dipertuannya Al-Sheikh Abdul Majid Salim yang telah disiarkan oleh “Majalah Al-Azhar” keluaran bulan Shaaban 1368 :

“Ulama Shafie pada masa yang akhir ini telah mengharuskan menggantikan tulang orang yang hidup (yang patah atau hancur – P) dengan tulang orang yang mati apabila tidak boleh dibaiki melainkan dengan dia. Periksalah



*Inilah selaput “hitam mata” itu sedang disiat oleh doktor.*

“Hawashi Tahfat Ibni Hajar” dan Taqir Al-Sharbini.....”

“Dengan al-asan ini maka Lajnah berpendapatan harus memindahkan sebahagian daripada mata orang yang telah mati untuk mengubati orang yang hidup apabila atas yang demikian bergantung sembuhnya mata itu dan dapat ia menunaikan kerjanya yang kerana itulah Tuhan telah menjadikan dia”. Demikianlah bunyinya fatwa Al-Azhar itu.

Mudah-mudahan tidak ada yang berkesamaran lagi tentang hukumnya dan mudah-mudahan banyak doktor-doktor yang mahir dan banyak pula orang-orang yang telah ditimpa kemalangan itu dapat di ubatkan di negeri ini. – P)

---

## SYEIKH AL-FITNAH

Orang-orang yang membuat fitnah kesangsian belum boleh lagi dikatakan Syeikh Al-Fitnah selagi pekerjaannya tidak ditaja dengan asas kepada semata-mata bersifat pemecah belahkan dan membuat permusuhan serta dengki atas kebolehan seseorang atau kemajuan seseorang. Biasanya Syeikh Al-Fitnah membuat kerja begini; mula-mula ia bermuka manis kepada seseorang apabila didapatinya ada muslihat dan apabila didapatinya orang itu tidak boleh masuk cakupannya maka dicarinya jalan untuk meruntuhkan kedudukan orang itu mengata nista di belakang sedang di hadapan berkata-kata sebagai madu, perangnya seperti ular yang sangat liciknya tetapi ekornya suka membelit.

Jika ada seseorang yang meminta fikiran dan nasihatnya untuk mencapai sesuatu tujuan maka di dalam masa perjumpaan itu tutur katanya sangat manis dan sokongannya sangat nyata tetapi disebalik itu, apabila orang itu telah pergi, maka dengan tipu daya dan cara yang licin ia mencari jalan bagi meruntuhkan orang itu sedang di hadapan ramai ia membuat-buat sebagai fukaha atau ulama dengan jubah dan tongkatnya serta tutur katanya tinggi melangit dengan menepuk-nepuk dada seolah-olah ia sahaja yang berpengetahuan tinggi dan berjubah kuning.

Kedudukan orang yang seperti ini kalau terserempak pada suatu masa bersama-sama dengan ular, mengikut setengah-setengah orang, biarkan ular itu hidup tetapi orang itu patut ditanam hidup-hidup – benarkah atau tidak Wallahu'alam.